



10 JUL, 2022

Jualan tiga jenis sayur RM1 sebungkus laris

Berita Harian Ahad, Malaysia

Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia

Jualan tiga jenis sayur RM1 sebungkus laris

Pasir Puteh: Tiga jenis sayur dengan harga RM1 antara yang menjadi rebutan pada Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia di sini, semalam.

Sawi, lobak merah dan tomat terjual lebih 40 bungkus dalam tempoh beberapa minit selepas gerai dibuka bermula jam 8 pagi di pekarangan pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh.

Penduduk, Noriah Jaafar, 50 berkata, beliau menunggu program itu bagi membeli keperluan harian seperti ikan, sayur dan buah dengan harga murah.

Katanya, sayur dengan harga RM1 sebungkus tidak mungkin dijual di pasar.

"Sekarang semua barang naik harga. Jadi, program jualan seperti ini sangat dinantikan," katanya.

Program itu yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Maklumat II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Yang turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora

“Sayur dengan harga RM1 sebungkus tidak mungkin dijual di pasar. Sekarang semua barang naik harga. Jadi, program jualan seperti ini sangat dinanti”

Noriah Jaafar,



Wan Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Saripudin Tuan Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbongan, Mohd Nazlan Mohamed Hasbullah.

Seorang lagi penduduk, Nor Zainab Che Leh, 55, berkata, keperluan dapur naik sekali ganda berbanding sebelum ini



Nik Muhammad Zawawi beramah mesra dengan peniaga pada Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia di pekarangan pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh, semalam. (Foto BERNAMA)

membuat dia sentiasa menunggu jualan murah.

"Kalau dulu, beli sayur, ikan, lauk sekitar RM30 sekali beli. Sekarang mencecah RM50," katanya yang tinggal di Kampung Tebing Tinggi.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, program itu memberi manfaat kepada 420,000 pengguna dengan sasaran jualan RM10.5 juta di seluruh negara.

Katanya, program berkenaan peluang untuk rakyat membeli secara terus daripada petani dengan penjimatan antara lima hingga 10 peratus, berbanding harga pasaran.

"Pemasaran hasil pertanian secara terus ini juga mengurangkan peranan orang tengah," katanya.



Pengunjung mendapatkan tiga jenis sayur yang dijual dengan harga RM1 pada program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia di Pasir Puteh. (Foto Nor Amalina Alias/BH)



10 JUL, 2022

Jualan tiga jenis sayur RM1 sebungkus laris

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia

Pasir Puteh: Tiga jenis sayur dengan harga RM1 antara yang menjadi rebutan pada Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia di sini, semalam. Sawi, lobak merah dan tomato terjual lebih 40 bungkus dalam tempoh beberapa minit selepas gerai dibuka bermula jam 8 pagi di pekarangan pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh.